



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : FIQH MUAMALAT
KOD KURSUS : DPI 3193
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **tiga (3)** bahagian:

BAHAGIAN A (20 Markah)	
BAHAGIAN B (50 Markah)	
BAHAGIAN C (30 Markah)	
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **dua puluh (20)** soalan

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Manakah antara berikut menunjukkan hikmah Islam mengharuskan jual beli?
A Manusia dapat menambah ilmu dalam bidang jual beli.
B Manusia berpeluang mengenali orang ramai semasa aktiviti jual beli.
C Manusia dapat memenuhi keperluan dan kehendaknya dalam kehidupan.
D Manusia dapat memiliki sesuatu yang bukan miliknya dengan cara yang dibenarkan Islam.
 2. Apakah hukum jual beli haiwan berbisa menurut Fiqh Muamalah?
A Jual beli sah.
B Jual beli tidak sah.
C Jual beli dibenarkan.
D Jual beli tidak dibenarkan.
 3. Seorang pembeli membeli sebuah kereta baru daripada wakil pengedar kemudian mendapati tayar kereta tersebut botak". Adakah pembeli berhak menuntut khiyar di dalam situasi ini? Dan apakah jenis khiyar yang diaplikasikan di dalam situasi ini?
A Pembeli berhak menuntuk khiyar. Jenis Khiyar : Khiyar syarat.
B Pembeli berhak menuntuk khiyar. Jenis Khiyar : Khiyar Majlis.
C Pembeli berhak menuntuk khiyar. Jenis Khiyar : Khiyar Aib.
D Pembeli tidak berhak menuntuk khiyar. Jenis Khiyar : Khiyar Rukun.
 4. Bai' Bi thaman Ajil (BBA) merupakan antara akad pembiayaan, manakah antara berikut berkaitan dengan pembiayaan Bai' Bitahaman Ajil?
A Pembiayaan kereta.
B Pembiayaan perabot.
C Pembiayaan peribadi.
D Pembiayaan peralatan makmal.

5. Di Malaysia, produk pembiayaan Bai' Bithaman Ajil(BBA) diharuskan oleh ulama dengan tujuan sebagai salah satu produk pembiayaan berlandaskan Islam. Manakah antara berikut bukan rukun BBA?
- A Modal.
B Ijab dan qabul.
C Subjek pertukaran.
D Penjual dan pembeli.
6. Antara berikut merupakan rukun bagi kontrak mudharabah **KECUALI**
- A Modal.
B Hutang.
C Lafaz (sighah).
D Pihak yang berkontrak.
7. Manakah antara berikut merujuk kepada jual beli Salam?
- A Menukar sesuatu dengan sesuatu.
B Perkongsian melalui kontrak atau tanpa kontrak.
C Perbuatan meletakkan sesuatu barang kepada seseorang yang bukan milik pemiliknya untuk dijaga.
D Mendahulukan, jual beli sesuatu yang dinyatakan sifat-sifatnya sahaja dengan lafaz Salam atau Salaf.
8. Manakah antara berikut merupakan syarat-syarat bagi rukun pertama iaitu penjual dan pembeli bagi jual beli Salam?
- i. Baligh.
ii. Gila.
iii. Berakal.
iv. Sukarela.
- A i dan ii.
B i dan iv.
C i, ii, dan iii.
D i, iii dan iv.

9. Manakah antara berikut bukan rukun bai' al-istisna'?

- A Barang yang ditempah.
- B Modal yang didahulukan.
- C Lafaz siqhah menunjukkan tempahan.
- D Barang yang melibatkan pertanian seperti tanaman padi.

10. "Jual beli barang berunsur riba dengan barang yang berunsur riba yang lain dan kedua-duanya mempunyai *illah* yang sama tanpa diisyaratkan tempoh tertentu ketika kontrak tersebut"

Apakah jenis riba berdasarkan pernyataan di atas?

- A Riba fadl.
- B Riba Nasi'ah.
- C Riba Yad (tangan).
- D Ribawi.

11. Apakah dua jenis Syarikat yang dibahagikan oleh para ulama Fiqh menurut Fiqh Muamalat?

- A Syarikat 'Inan.
- B Syarikat wujuh.
- C Syarikat Abdan.
- D Syarikat amlak dan aqad.

12. "Syarikat yang dianggotai oleh dua orang atau lebih dengan masing-masing menyumbangkan modal dan keuntungan akan dibahagikan sesama mereka"

Manakah antara jenis Syarikat berikut merujuk kepada menunjukkan kepada jenis Syarikat di atas?

- A Syarikat 'Inan.
- B Syarikat wujuh.
- C Syarikat Abdan.
- D Syarikat Mufawadah.

13. Wakalah merujuk kepada

- A Menyimpan sesuatu ditempat yang khusus.
- B Menukar sesuatu dengan sesuatu yang lain.
- C Mengupah orang lain melakukan sesuatu kerja.
- D Menyerahkan sesuatu urusan yang pada dasarnya boleh diuruskannya sendiri kepada orang lain supaya orang tersebut menguruskannya bagi pihaknya ketika dia masih hidup.

14. Berikut merupakan pelaksanaan konsep wakalah dalam kewangan Islam

KECUALI

- A Melantik wakil dalam menguruskan harta faraid.
- B Melantik wakil menunaikan ibadah haji dan umrah.
- C Melantik wakil untuk mengembangkan harta seperti pelaburan.
- D Melantik wakil dalam jualan untuk menguruskan perniagaannya.

15. "Maka hendaklah diserahkan barang-barang gadaian yang akan dipegang (oleh orang yang memberi hutang)"

(Al-Baqarah: 283)

Berpandukan ayat di atas, apakah hukum asal gadaian?

- A Wajib.
- B Sunat.
- C Harus.
- D Haram.

16. "Letakkan barang ini pada anda" "Ambillah barang ini untuk dijaga"

Pernyataan di atas merupakan contoh lafaz (sighah) penawaran dan penerimaan sesuatu akad, manakah akad yang merujuk kepada lafaz di atas?

- A Wadiyah.
- B Jual beli.
- C Wakalah.
- D Gadaian.

17. Manakah antara berikut antara faktor penamatkan kontrak wadiah?

- A** Penyimpan ingin menambah simpanan.
- B** Penyimpan menuntut kembali simpanannya.
- C** Pemegang amanah menghilangkan barang simpanan.
- D** Penyimpan ingin memanjangkan tempoh simpanannya.

18. Manakah antara berikut merupakan jenis tawarruq?

- I. Tawarruq fardi.
- II. Tawarruq aqad.
- III. Tawarruq amlak.
- IV. Tawarruq munazam.

A i dan ii.

B i, iii dan iv.

C i dan iii.

D i, ii, iii dan iv.

19.

Situasi 1 Pelanggan ingin mendapatkan kemudahan produk pembiayaan peribadi sebanyak RM30, 000 daripada bank. Pelanggan akan membeli sebuah aset daripada bank dengan harga RM35, 000 secara ansuran.

Situasi 2 Setelah selesai transaksi yang pertama, pelanggan seterusnya menjual semula aset berkenaan kepada bank dengan harga RM30, 000 dengan bayaran tunai.

Situasi 3 Ini bermakna, pelanggan akan mendapat RM30, 000 dengan segera dan pada masa yang sama mempunyai komitmen untuk membayar kepada bank sebanyak RM35, 000 kepada bank selama sembilan tahun. Keuntungan kepada bank adalah RM5, 000.

(Sumber: Utusan Malaysia 2010)

Manakah antara berikut merujuk kepada situasi di atas?

- A Bai' Inah.
- B Bai' al-Salam.
- C Bai' Al-Istisna'.
- D Bai' Bithaman Ajil.

20. Menurut Fiqh Muamalat, apakah jenis akad bai' al-Inah?

- A Akad tunai.
- B Akad secara hutang.
- C Akad secara ansuran.
- D Akad secara bayaran bertangguh.

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **Lima (5)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

Soalan 1

Terangkan **Lima (5)** hikmah khiyar dalam jual beli.

(10 markah)

Soalan 2

Ilustrasikan bentuk kontrak Bai' Bithaman Ajil dalam pembiayaan kenderaan beserta huraihan.

(10 Markah)

Soalan 3

Pelaburan ASB merupakan salah satu pelaburan bijak dalam merancang kewangan. Bincangkan **Lima (5)** kepentingan pelaburan ASB terhadap perancangan kewangan seseorang individu.

(10 markah)

Soalan 4

"Bai' al-Salam adalah salah satu jenis kontrak jual beli barang yang tidak wujud namun ianya dibenarkan dan diberikan pengecualian dalam Muamalah Islam. Barang yang ditempah ialah barang yang dijual dalam kontrak dan penjual berjanji menyerahkannya kepada pembeli sebagai timbal balik kepada modal yang didahulukan"

Berdasarkan pernyataaan di atas, terangkan **Lima (5)** syarat barang yang ditempah di dalam Bai' al-Salam.

(10 markah)

Soalan 5

Jelaskan **dua (2)** perbezaan antara kontrak *Salam* dan *Istisna'* daripada aspek takrifan dan lafaz akad.

(10 markah)

[50 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **dua (2)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan

Soalan 1

"Dalam dunia kewangan moden, kewangan Islam adalah dibentuk dalam arus dunia kewangan konvensional yang menekankan bahawa wang dapat melahirkan wang tanpa perlu menanggung risiko perniagaan seperti jual beli. Untuk menyusuri arus tersebut, para sarjana Islam berdepan dengan tugas antara mengekalkan keaslian kontrak-kontrak (akad-akad) yang wujud dalam kerangka ajaran Islam tanpa mengeneplikan keperluan kepada perubahan bersesuaian dengan zaman. Contohnya sistem gadaian Islam yang sedang dilaksanakan di pusat-pusat gadaian Islam (skim al-rahn) sebagai ganti kepada kedai-kedai pajak gadai konvensional.

Berdasarkan kenyataan di atas, huraikan hukum mengambil pajak gadai konvensional untuk menggadai sesuatu barang dan terangkan **empat (4)** perbezaan pajak gadai Islam dan konvensional.

(15 markah)

Soalan 2

"Wakalah adalah suatu pernyataan tentang seseorang menyerahkan suatu tugas kepada orang lain agar orang lain itu melakukannya dikala seorang tadi masih hidup, apabila orang yang menyerahkan tugas tadi memang mempunyai hak untuk melakukannya dan merupakan tugas yang boleh digantikan kepada orang lain"

Berdasarkan kenyataan di atas, huraikan hukum penerimaan wakalah menurut Muamalat Islam dan berikan **empat (4)** jenis hikmah pelaksanaan wakalah dalam bidang kewangan Islam.

(15 markah)

[30 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

